

Akta Koperasi akan dipinda

KUALA LUMPUR, Khamis — Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar, Encik Sanusi Junid hari ini mengumumkan, kerajaan akan meminda Akta Koperasi bagi membolehkan syarikat-syarikat koperasi memainkan peranan yang berkesan dalam Dasar Ekonomi Baru.

Melalui pindaan tersebut, pengerusi kehormat yang mendapat gaji bulanan tetapi "tidak membuat kerja" akan menghadapi kesulitan.

Bercakap selepas merasmikan Expo Kuala Lumpur 1981 di Changkat Pavilion, Encik Sanusi memberitahu, semua pengerusi koperasi yang tidak aktif telah diberi notis tiga bulan untuk membetulkan keadaan mereka.

Sebelum ini beliau pernah menasihatkan pengerusi yang tergolong dalam golongan "pengerusi tidur" meletakkan jawatan mereka.

"Sekiranya keadaan tidak juga berubah, kerajaan akan bertindak cara lain umpamanya mengarahkan pengarah koperasi memaksa pengerusinya berhenti. Kerajaan sekarang dalam proses meminda Akta Koperasi," ujarnya.

Bergerak dengan menuias

Menurut Encik Sanusi, pindaan akta itu akan dibentangkan di Parlimen apabila siap dipinda dan memusnahkan.

"Kerajaan mengalu-alukan pendapat dari orang ramai bagi membantu menggubal pindaan akta tersebut," ujarnya.

Katanya, dari 2,000 koperasi yang terdapat dalam negara ini cuma selengah bergerak dengan memusnahkan.

Beliau sekali lagi menjelaskan, pengerusi kehormat hanya boleh diadakan oleh koperasi-koperasi yang sudah membuat untung yang banyak.

"Pengerusi seperti ini membebankan koperasi terutamanya bagi koperasi yang masih dalam proses berkembang dan mencari untung," tambah beliau.

Sebelum itu, dalam ucapannya merasmikan Expo tersebut, Encik Sanusi berharap, pemimpin-pemimpin masyarakat dan rakyat memberi sokongan dan menyambut semua program-program yang dijalankan oleh pemerintahan baru Datuk Seri Dr. Mahathir - Datuk Musa.

Katanya, pemerintahan "style baru" ini mementingkan kepada 3M iaitu wang, tenaga manusia dan pengurusan (money, men, management).

"Pentadbiran baru pimpinan 2M banyak membawa perubahan walaupun kerajaan itu baru berusia kira-kira empat bulan," ujarnya.

Katanya, matlamat 3M ialah melahirkan manusia yang jujur, bersih, berdikari dan bertanggungjawab untuk melaksanakan pentadbiran dalam kerajaan "style baru".

Begitu juga dengan wang dan pengurusan di mana kerajaan Datuk Seri Dr. Mahathir - Datuk Musa mahu memastikan wang rakyat yang diamankan kepada kerajaan dibelanja dan ditadbirkan dengan cekap dan betul.

"Biro Siasatan Negara dan Jawatankuasa Akaun Negara merupakan dua badan untuk menyiasat dan memastikan semua perkara berjalan dengan betul," tambah beliau.

Menyentuh hasil kraftangan yang dipamerkan di Expo tersebut, Encik Sanusi berharap ia dapat dikembangkan ke peringkat antarabangsa.

8 dihukum di bawah Akta Kanak2 dalam tempoh setahun lalu

KUALA LUMPUR, Khamis — Lapan orang didapati bersalah dan dihukum di bawah Akta Kanak-kanak dan Orang-orang Muda 1974 (ulangkaji 1980) dalam tempoh setahun lalu, demikian Dewan Rakyat diberitahu hari ini.

Menteri Kebajikan Am, Datin Paduka Hajah Aishah Ghani berkata tujuh orang dihukum atas kesalahan menjual-beli kanak-kanak manakala seorang lagi bersabit dengan kes menyeksa kanak-kanak.

"Mereka ini adalah di antara 27 orang yang disyaki menjual-beli kanak-kanak dan tiga orang yang disyaki mendera kanak-kanak," katanya semasa menjawab pertanyaan wakil BN Air Hitam, Datuk Dr. Hee Tien Lal.

Beliau menambah daripada tahun 1979 hingga September, 1981, Jabatan Kebajikan Masyarakat di Semenanjung menerima 298 aduan mengenai kes-kes penganiayaan kanak-kanak.

Dari penjara ke penjara

IPOH, Khamis - Cheng Mak Leong, 46 tahun, yang keluar masuk penjara sejak tahun 1956, hari ini dikenakan hukuman penjara tiga tahun kerana mencuri.

Majistret, Cik Yamuna Menon mengarahkan hukuman Cheng dikuatkuasakan dari tarikh dia ditangkap iaitu pada 24 Oktober lalu.

Cheng mengaku salah mencuri beg duit mengandungi \$1.40 dari P.C. Kullan, 70 tahun, di Stesen Bas Jalan Kidd

M a h k a m a h diberitahu, pada hari itu, seorang awam, Ramli bin Hussain yang berada di stesen bas tersebut ternampak Cheng mencuri beg duit dari Kullan.

Bahan asal dari Arkib Negara Malaysia